

Terapkan budaya reka cipta: Mahathir

KUALA LUMPUR, Selasa — Hasil penyelidikan, inovasi dan ciptaan teknologi tempatan harus mampu dikomersilkan untuk memenuhi keperluan pasaran global, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, saintis dan ahli teknologi mesti memberi tumpuan kepada keusahawanan berteknologi, memikirkan konsep keperluan pengguna teknologi serta strategi pemasaran yang berkesan.

"Saya ingin menekankan kepada pencipta dan pereka bentuk negara bahawa segala ciptaan dan inovasi yang dihasilkan perlu dilihat dari segi keupayaan untuk dipasarkan bukan sahaja dalam negara tetapi ke peringkat global.

Oleh itu, tumpuan strategi perlu ke arah mengomersilkan hasil penyelidikan atau

ciptaan teknologi yang berpotensi supaya ia sejajar dengan keperluan pasaran," katanya.

Beliau berkata demikian di majlis perasmian Ekspo Kemahiran Hidup dan Reka Cipta Pelajar Peringkat Kebangsaan 1994 di Maktab Perguruan Teknik, Cheras, hari ini.

Hadir sama ialah Menteri Pendidikan, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud dan timbalannya, Datuk Dr Fong Chan Onn serta Menteri Undang-Undang, Datuk Syed Hamid Albar. Lebih 170 ciptaan pelajar yang mewakili negeri dipamerkan dalam ekspo tiga hari itu.

Dr Mahathir berkata, Malaysia perlu menjadi pencipta dan penyumbang kepada pembentukan peradaban sains dan teknologi di dunia pada masa depan.

"Untuk menjadi sebuah ne-

gara industri penuh, kita tidak boleh hanya meniru dan menerima gaya kemajuan negara maju. Justeru itu, kita perlu mewujudkan masyarakat yang mempunyai budaya mencipta supaya pada masa depan teknologi rakyat Malaysia mampu menembusi pasaran antarabangsa," katanya.

Menurutnya, negara ini memerlukan lebih banyak tenaga kerja yang menguasai teknologi termaju dan tinggi antaranya, teknologi pembuatan automasi, teknologi bahan termaju, bioteknologi dan teknologi maklumat.

"Kecekapan dalam teknologi ini dan kemampuan mewujudkan teknologi baru adalah sangat penting jika Malaysia mahu mencapai kemajuan ekonomi lebih tinggi dan mengekalkan daya saingan ekonominya dalam pasaran dunia," katanya.